

29/08/2000

`Royalti minyak bukan hak mutlak Terengganu'

Noor Jaafar

KUALA TERENGGANU, Isnin - Terengganu tidak boleh mendakwa royalti minyak hak mutlaknya kerana negeri lain juga berhak menuntut kerana minyak diperolehi dalam kawasan perairan negara.

Menteri Penerangan, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata royalti minyak diberi kerana ketika itu Terengganu adalah negeri termiskin, tetapi sekarang tidak lagi berada pada tahap itu.

"Ketika ini kemudahan infrastruktur dan jalan raya begitu baik di negeri ini bahkan lebih baik dari negeri lain, termasuk di Pahang Barat," katanya.

Oleh itu, Terengganu tidak boleh mendakwa royalti minyak menjadi haknya, kerana negeri lain juga berhak meminta.

Tambahan lagi, menurut Mohd Khalil, sekarang ini, Terengganu tidak boleh dianggap negeri miskin kerana kerajaan Barisan Nasional (BN) ketika di bawah pemerintahan Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, banyak membawa pembangunan cuma kurang diberi pendedahan.

Bercakap kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan pegawai penyiaran dan penerangan negeri di RTM Kuala Terengganu, di sini, hari ini, beliau berkata "Kerajaan perlu membuat keputusan dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengumumkan perkara itu setelah menelitinya daripada pelbagai sudut, termasuk yang berkaitan dengan apa yang dikatakan perjanjian.

Mohd Khalil berkata, perkara itu dibincangkan banyak kali, termasuk di peringkat Kabinet dan apabila pemimpin pusat datang ke negeri ini.

"Saya difahamkan tandatangan antara Petronas dengan Kerajaan Negeri Terengganu lebih kepada persefahaman," katanya.

Menurutnya, perkara itu banyak dibangkitkan, termasuk oleh Pahang dan Perlis.

"Kalau minyak itu diperolehi dalam perairan negara, kenapa Pahang yang berhampiran dan negeri lain tidak dapat," katanya.

Mengenai muzakarah dengan Pas, Mohd Khalil yang juga Setiausaha Agung Umno berkata, Umno bukan nak mengelak mengadakan muzakarah dengan Pas, tetapi ia perlu diadakan dalam suasana yang sesuai.

"Umno tidak mahu ada pihak mempertikaikan dan bimbang ada pihak tidak boleh menerima penjelasan daripada Umno," katanya.

(END)